

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
18 APRIL 2023**

**1. PELANCARAN PELAN STRATEGIK MBSP 2023-2030 DAN
SEBERANG PERAI CORPORATE PRIORITIES 2023**

Dimaklumkan bahawa MBSP telah menerbitkan Pelan Strategi MBSP 2023-2030 serta Seberang Perai Corporate Priorities 2023 (SPCP 2023). Ianya merupakan satu dokumen yang menggariskan hala tuju MBSP sepanjang tahun 2030. SPCP 2023 merupakan satu dokumen hala tuju tahunan yang diadaptasi daripada Pelan Strategi 2023-2030. Selaras dengan pembentukan Pelan Strategi MBSP 2023-2030 dan SPCP 2023 di mana ianya merupakan satu (1) perancangan atau komitmen MBSP kepada semua stakeholders dalam menjayakan Visi dan Misi MBSP.

Kedua-dua dokumen ini dijadikan sebagai pandu arah kepada warga negara MBSP dan warga Seberang Perai untuk mencapai Hasrat Bersama. Ia juga dapat dijadikan sebagai panduan dan perancangan kerja komprehensif untuk menjadikan MBSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang terbuka, interaktif, cekap dan mendapat sokongan masyarakat.

2. PELANCARAN PELAN STRATEGIK DASAR

KETERANGKUMAN GENDER (DKG) MBSP 2023-2025 &

PELAN TINDAKAN DKG MBSP 2023

Pelan Strategik DKG MBSP 2023-2025 merupakan perancangan tiga (3) tahun dan sangat penting untuk menjadi rujukan serta panduan dalam menentukan hala tuju ke arah pencapaian matlamat DKG di MBSP untuk tempoh masa yang ditetapkan.

Pelan Strategik DKG MBSP 2023-2025 ini diterjemahkan kepada Pelan Tindakan DKG setiap tahun bermula tahun 2023 yang melibatkan semua jabatan untuk pelaksanaan. Pelan Tindakan DKG MBSP 2023 bertindak sebagai kayu prestasi tahap pelaksanaan DKG di MBSP. Sebanyak 56 program dan 66 aktiviti telah dirancang bagi tahun 2023.

Semoga penghasilan Pelan Strategik MBSP 2023-2025 dan Pelan Tindakan DKG MBSP 2023 dapat menjadi pemangkin kepada gerak kerja yang lebih komprehensif. Ini menunjukkan komitmen MBSP untuk memastikan kesaksamaan gender dalam penyampaian perkhidmatan serta memberi impak yang positif di samping mampu mewujudkan persekitaran yang mesra gender.

3. PERINGATAN KEPADA PEMILIK PREMIS

Diingatkan kepada semua pemilik lesen perniagaan terutamanya pemilik premis runcit supaya mematuhi syarat-syarat lesen perniagaan agar tindakan pembatalan lesen dan sitaan di bawah Seksyen 101(1)(v) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

MBSP akan terus giat memantau dan menjalankan tindakan penguatkuasaan tanpa prejudis dan terus agresif dalam menangani isu yang dekat dengan masyarakat.

4. SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2023

Dimaklumkan bahawa seluruh umat Islam dijangka akan menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 22 April 2023 (Sabtu) selepas berpuasa selama sebulan. Oleh itu, saya dengan rasa kesyukuran dan rendah hati ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh warga kerja MBSP dan penduduk Seberang Perai. Diharapkan perayaan pada tahun ini dapat mengeratkan lagi silaturrahim sesama kita dan saling menghormati antara satu sama lain.

5. SAMBUTAN HARI PEKERJA 2023

Dimaklumkan bahawa Hari Pekerja akan disambut pada 1 Mei 2023 (Isnin). Justeru, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja kepada seluruh warga kerja Seberang Perai. Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

6. SELAMAT MENYAMBUT HARI WESAK

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat Hari Wesak kepada semua penganut agama Buddha yang bakal meraikannya pada 4 Mei 2023 (Khamis). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

SEKIAN, TERIMA KASIH.